مجليس باندراي ملاک برسجاره

# MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
# BANDARAYA WARISAN DUNIA

## *KENYATAAN SEBUT HARGA*

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

| BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA | SYARAT PENDAFTARAN | HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP |
|---|---|---|---|---|
| **MBMB/SH/2023/20**<br><br>**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU HIASAN SERTA YANG BERKAITAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2023 DI JALAN HANG TUAH, MELAKA.**<br><br>**Tarikh Kelulusan : 03/03/2023**<br><br>**No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00021/ 73/302** | **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**<br><br>Gred G1 (Daerah Melaka Tengah)<br><br>atau<br><br>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka)<br><br>atau<br><br>Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka)<br><br>Kategori ME<br><br>Pengkhususan E04 & E11 | **HARGA**<br><br>**RM10.00**<br>*** Tidak akan dikembalikan**<br><br>**TARIKH**<br><br>**3 Mac 2023 (Jumaat) sehingga 13 Mac 2023 (Isnin)** | **TIADA**<br><br>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri) | **TARIKH**<br><br>**13 Mac 2023 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari**<br><br>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.<br><br>----------<br><br>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. |

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat https://stom.melaka.gov.my. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **3 Mac 2023 (Jumaat) sehingga 13 Mac 2023 (Isnin).**

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan).** Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
**DATUK BANDAR**
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam